AMANAH INTERNATIONAL FINANCE SDN. BHD.

lwn.

YOONG YIN FAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-1815-90]
23 JUN 1992

PROSEDUR SIVIL: *Aturan 14 k. 1 dan A. 21 k. 5(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Penarikan balik kes tanpa perintah Mahkamah - Samada plaintif berkuasa untuk menuntut sekali lagi terhadap defendan - Surat tuntutan dihantar sebelum penarikan balik kes pertama - A. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Res judicata.*

Ini adalah rayuan defendan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 13 Ogos 1991 yang telah memerintahkan penghakiman muktamad terhadap defendan dibawah A. 14 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Defendan juga memohon supaya Mahkamah menggantungkan perlaksanaan penghakiman sehingga notis rayuan defendan dapat dibicarakan dan diputuskan dan seterusnya ditolak.

Tuntutan ini berdasarkan dua perjanjian penyewaan kelengkapan diantara plaintif dan Kumpulan Pantai Sdn. Bhd. yang telah disertakan dengan dua surat gerenti yang telah ditandatangani oleh tiga orang penjamin. Defendan adalah seorang daripada tiga orang penjamin tersebut.

Plantif telah mendapat penghakiman ingkar terhadap Kumpulan Pantai dan ketiga-tiga penjamin. Walau bagaimanapun, penghakiman ingkar terhadap defendan telah diketepikan kerana didapati penyerahan ke atasnya di luar aturan. Seterusnya plaintif telah menarik balik saman terhadap defendan dengan hak untuk memfailkan semula.

Beberapa isu telah timbul didalam kes ini. Peguam defendan telah berhujah bahawa oleh kerana penarikan balik adalah tanpa perintah Mahkamah dan kes yang dirujuk telah difailkan atas faktor-faktor yang sama, plaintif tidak berkuasa untuk menuntut sekali lagi terhadap defendan.

Peguam defendan juga telah menyatakan bahawa surat tuntutan kepada defendan telah dihantar sebelum penarikan balik kes terdahulu. Peguam defendan juga telah berhujah bahawa tiada butir-butir lanjut dan tiada penentusahan mengenai akaun berkenaan dan bahawa gerenti berkenaan tiada klausa keterangan konklusif mengenai akaun. Akhir sekali peguam defendan telah menyatakan bahawa tuntutan patut dikurangkan kerana plaintif telah tidak mengambil tindakan tertentu untuk mengurangkan gantirugi.

Diputuskan:

[1] Mengenai pemfailan semula, A. 21 k. 5(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi secara implikasi membenarkan pihak yang menuntut, menuntut semula atas kuasa tindakan yang serupa atau hampir serupa dengan tindakan yang ditarikbalik sebelum ini.

[2] Adalah juga jelas bahawa dibawah A. 21 k. 2(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi membenarkan tindakan ditarik balik tanpa kebenaran Mahkamah.

[3] Dalam perkara, ini tindakan kali kedua adalah mengikut aturan dan defendan tidak berhak membangkitkan perkara ini.

[4] Dalam keadaan kes ini, hanya penghakiman ingkar dan bukan penghakiman selepas perbicaraan penuh telah didapati dalam kes pertama dan alasan *res judicata* juga tidak boleh dipakai.

[5] Faktor bahawa surat tuntutan telah dihantar sebelum penarikan balik kes pertama tidak menjejaskan kedudukan defendan asalkan hanya dihantar sebelum tindakan kedua difailkan.

[6] Mengenai akaun, tiada sebab untuk Mahkamah menolak jumlah yang telah ditentukan oleh plaintif tanpa apa-apa saranan perbezaannya secara khusus dari pihak defendan.

[7] Berkenaan dengan pengurangan gantirugi, plaintif telah menerangkan bahawa mereka telah cuba mendapatkan balik kelengkapan tetapi gagal. Lagipun, defendan tidak pernah membangkitkan isu, ini dan isu insuran dalam pliding beliau.

[Rayuan defendan ditolak dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:
The Bank of Tokyo Ltd. lwn. R. Gnanasurian [1989] 1 CLJ (Rep) 344 ***(dirujuk)***
Latchman Singh & Sons lwn. Tan Kian [1991] 3 CLJ (Rep) 121 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 14 r. 1, O. 21 r. 2(1), 5(1)

Sumber lain yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England, Edisi Keempat, Vol. 37, m.s. 213 perenggan 284

Bagi pihak defendan/perayu - Christie Soosay Nathan; T/n. Christie Soosay Nathan & Associates
Bagi pihak plaintif/responden - L.Y. Oon; T/n. Suhaimi Khor Zulkifli & Chang

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Defendan telah merayu melalui notis rayuan yang difailkan pada 15 Ogos 1991 terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 13 Ogos 1991 yang telah memerintahkan bahawa permohonan plaintif pada 24 Januari 1991 untuk mencatatkan penghakiman muktamad terhadap defendan untuk RM119,708.94 sen berserta dengan faedah pada kadar dua peratus sebulan dari 4 Ogos 1990 hingga tarikh penyelesaian dan kos RM350 dibawah A. 14 k. 1 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (selepas ini "Kaedah-kaedah") dibenarkan. Defendan juga telah memohon supaya Mahkamah menggantungkan perlaksanaan penghakiman tersebut sehingga notis rayuan defendan dapat dibicarakan dan diputuskan dan seterusnya ditolak.

Tuntutan ini berdasarkan dua perjanjian penyewaan kelengkapan yang dibuat pada 1 Jun 1984 diantara plaintif dan Kumpulan Pantai Sdn. Bhd. (selepas ini "Kumpulan Pantai") yang telah disertakan dengan dua suratcara gerenti yang telah ditandatangani oleh tiga orang penjamin pada tarikh yang sama. Defendan adalah seorang daripada tiga orang penjamin tersebut dan salah satu dari dua orang Pengarah Kumpulan Pantai yang telah menandatangani perjanjian-perjanjian penyewaan kelengkapan tersebut.

Dalam kes C24-3183/86 di Mahkamah ini, oleh kerana Kumpulan Pantai tidak meneruskan dengan bayaran sewa, plaintif telah mendapat penghakiman ingkar terhadap Kumpulan Pantai dan ketiga-tiga orang penjamin untuk jumlah RM80,753.71. Walaubagaimanapun, penghakiman ingkar terhadap defendan telah diketepikan oleh Mahkamah pada 8 Mac 1990 kerana didapati penyerahan keatasnya diluar aturan.

Seterusnya, plaintif telah menarikbalik saman terhadap defendan pada 13 September 1990. Rujukan kepada penarikan balik tersebut menunjukkan bahawa ialah dengan hak untuk memfailkan semula. Pendapat peguam defendan yang arif ialah oleh kerana penarikan balik adalah tanpa perintah Mahkamah dan oleh kerana kes yang dirujuk telah difailkan atas faktor-faktor yang sama, plaintif tidak berkuasa untuk menuntut sekali lagi terhadap defendan kerana hak untuk memfail semula telah tidak diberi oleh Mahkamah. Peguam defendan juga telah menyatakan bahawa surat tuntutan kepada defendan telah dihantar pada 3 Ogos 1990 iaitu sebelum penarikan balik kes terdahulu. Oleh itu, pandangan beliau ialah tiada kausa tindakan pada ketika itu oleh kerana kes yang dahulu masih wujud. Peguam defendan juga telah berhujah bahawa tiada butir-butir lanjut dan tiada penentusahan mengenai akaun berkenaan dan bahawa gerenti berkenaan tiada klausa keterangan konklusif mengenai akaun. Akhir sekali, peguam defendan telah menyarankan bahawa tuntutan patut dikurangkan oleh kerana plaintif telah tidak mengambil tindakan tertentu mengenai kelengkapan yang disewakan untuk mengurangkan gantirugi.

Mengenai pemfailan semula, beberapa kes yang dirujuk oleh peguam yang bijaksana bagi pihak defendan perlu dibezakan dari segi prinsip dan keadaan. Seterusnya saya telah bergantung kepada A. 21 k. 5(1) Kaedah-kaedah yang secara implikasi membenarkan pihak yang menuntut menuntut semula atas kausa tindakan yang serupa atau hampir serupa dengan tindakan yang telah ditarikbalik sebelum itu. Adalah juga jelas bahawa k. 2(1) A. yang sama membenarkan tindakan ditarikbalik tanpa kebenaran Mahkamah. *Halsbury's Law of England* Edisi Keempat Vol. 37 dimukasurat 213 diperenggan 284 juga telah menyatakan bahawa fakta satu pihak telah tidak meneruskan atau telah menarik balik sesuatu tindakan bukanlah pembelaan kepada tindakan selepas itu untuk kausa tindakan yang serupa atau hampir serupa dengannya.

Dalam perkara ini, tindakan kali yang kedua telah difailkan pada 14 November 1990 iaitu selepas penarikan balik kes pertama pada 13 September 1990. Berdasarkan Kaedah-kaedah yang ada, ini adalah mengikut aturan dan defendan tidak berhak membangkitkan perkara ini. Dalam kes *The Bank of Tokyo Ltd. lwn. R. Gnanasurian* [1989] 1 CLJ (Rep) 344, Mahkamah telah berpendapat bahawa dimana kes kedua difailkan 6 hari sebelum penarikan balik kes pertama ianya tidak memudaratkan defendan secara apa pun. Tambah pula, dalam keadaan kes ini, hanya penghakiman ingkar dan bukan penghakiman selepas perbicaraan penuh telah didapati dalam kes pertama dan alasan *res judicata* juga tidak boleh dipakai seperti diputuskan dalam *Latchman Singh & Sons lwn. Tan Kian* [1991] 3 CLJ (Rep) 121. Selanjutnya, penghakiman ingkar tersebut telah diketepikan hanya kerana ianya diluar aturan dan bukan di atas soal merit. Faktor bahawa surat tuntutan telah dihantar sebelum penarikan balik kes pertama tidak menjejaskan kedudukan defendan asalkan ianya dihantar sebelum tindakan kedua difailkan.

Mengenai akaun, tiada sebab untuk Mahkamah menolak jumlah yang telah ditentusahkan oleh plaintif tanpa apa-apa saranan perbezaannya secara khusus dari pihak defendan. Tentu sekali jumlahnya adalah lebih dari tuntutan kes pertama kerana beberapa tahun telah berlalu dan faedah telah meningkat.

Berkenaan dengan pengurangan gantirugi, plaintif telah menerangkan bahawa mereka telah cuba mendapatkan balik kelengkapan tetapi gagal. Lagipun defendan tidak pernah membangkitkan isu ini dan isu insuran dalam pliding beliau.

Berasaskan faktor-faktor yang telah diambilkira ini, Mahkamah berpendapat rayuan defendan hendaklah ditolak dengan kos.

Also found at [1992] 3 CLJ 1697